



JAKARNA
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Made with
Visual Paradigm
For non-commercial use
UiTMSarawak

MAY 2024
INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (InnoSTRE)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor

Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulewarman University
Indonesia



Bengkel Permukiman Perancangan Strategik Pengurusan Akademik Tahun 2023

Disediakan oleh
Baizura binti Ibrahim

Profesor Madya Ts. ChM Dr. Mohammad Isa Mohamadin, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa UiTM Cawangan Sarawak menyempurnakan majlis pembukaan dan penutupan bersempena Bengkel Permukiman Perancangan Strategik Pengurusan Akademik Tahun 2023 yang diadakan di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Samarahan 2 bermula 30 hingga 31 Januari 2023. Bengkel anjuran Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa ini telah disertai oleh seramai 60 orang peserta yang terdiri daripada Ketua Pusat Pengajian, koordinator, penyelaras, penolong pendaftar, pegawai eksekutif dan penolong jurutera.

Bertemakan "Memacu Inisiatif: Kebolehpasaran Global ke Arah GRU2025", bengkel berkenaan bertujuan membincangkan dan menentukan hala tuju Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa berdasarkan hala tuju UiTM menjelang tahun 2025. Dalam ucapannya, Profesor Madya Ts. ChM Dr. Mohammad Isa Mohamadin menyatakan antara tindakan dalam pembangunan Strategic Action Plan (SAP) adalah dengan mengkaji semula inisiatif tahun lepas untuk penambahbaikan dan membuat analisa bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, halangan serta peluang yang boleh membawa akademik UiTM Cawangan Sarawak ke hadapan.

Beliau menghargai segala usaha semua peserta bengkel membantu menyediakan Strategic Action Plan (SAP) yang lengkap untuk setiap KPI dalam mengenal pasti inisiatif dan pencapaian yang mendukung kepada rencana UiTM tahun 2023 iaitu Globally Marketable.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan setiap pelan dan perancangan berjaya dilaksanakan.

